

# Ketua Menteri kesal sikap pembangkang

MELAKA, Khamis — Ketua Menteri, Encik Mohd Adib Haji Mohd Adam kesal dengan sikap ahli-ahli pembangkang DAP yang hanya tahu memperbesar-besarkan isu yang kecil dan menggunakan perkataan-perkataan yang tidak sepatutnya digunakan dalam Dewan Undangan Negeri.

"Bagi saya yang indah itu bahasa, budi itu cantik. Saya ingin mengingatkan anggota-anggota pembangkang, jika tidak mahu orang tahu, jangan buat," katanya sewaktu menggulung usul mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Dipertua Negeri Melaka kerana merasmikan sidang belanjawan lewat petang semalam.

Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Haji Abdul Aziz Tapa mengingatkan ahli-ahli Dewan, khususnya anggota-anggota pembangkang bahawa sekiranya mereka sebagai wakil rakyat menggunakan bahasa kurang manis, maka sia-sialah tanggungjawab mereka

sebagai wakil rakyat.

Encik Mohd Adib berkata, dalam ucapan Yang Dipertua Negeri Melaka, yang diperkatakan ialah pembangunan, tetapi, Encik Lim Kit Siang (DAP-Kubu) menimbulkan masalah kecil seperti bangunan UMNO Alor Gajah dijual kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) dan Waton Sdn Bhd.

Katanya, seperti biasa Encik Lim mencari masalah kecil untuk diperbesar-besarkan dan beliau hanya menekankan kegagalan perancangan ekonomi Negeri Melaka.

"Bagi saya walaupun Negeri Melaka kecil, itu tidak bermakna kita tidak boleh megah seperti negeri-negeri besar lain," kata beliau.

Encik Mohd Adib berkata, kita hendak berdepan dengan semua masalah dan kita sedia mempertahankannya.

"Tema Kerajaan dan tema pembangkang adalah belainan dan dari situ, kita dapat menilai sikap manusia terhadap dua pandangan yang bertentangan," katanya.

"Kita sebagai orang di tepi laut sanggup dihempas badai dan kita tidak mengeneipkan perkara-perkara yang pokok. Tidak seperti DAP yang tidak sanggup menerima segala kenyataan kita malah sanggup memutarbelitkan untuk mengelirukan rakyat," tegasnya.

## Kenyataan

Menjawab soalan Encik Chan Teck Chan (BN-Tengkera), Ketua Menteri memberitahu, di bawah RME, PKNM telah menyediakan peruntukan awalan \$100,000 untuk projek-projek industri kecil.

Menjawab soalan Encik Bernard St Maria (DAP-Bandar Hillir), beliau berkata, masalah lebih besar dalam negara ialah integrasi dan kita sedang memikirkan menyerapkan orang-orang kampung baru ke kampung biasa.

"Malah kita sedang memikirkan untuk mengintegrasikan kaum minoriti seperti Portugis supaya kita dapat menyatukan seluruh masyarakat negara ini," katanya.

Encik Mohd Adib seterusnya mengingatkan wakil-wakil pembangkang supaya menyuarakan masalah-masalah yang membina dalam Dewan yang mulia ini dan tidak membawa isu-isu sensitif.

"Dalam hal ini, saya mengucapkan syabas kepada Encik Chan Teck Chan yang telah membawa masalah-masalah kita ke Dewan Rakyat," katanya.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia